

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1993/94

Jun 1994

EMU 410 - Jurutera Dalam Masyarakat II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat dan **TUJUH** soalan yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: **DUA** soalan dari Bahagian A dan **DUA** soalan dari Bahagian B. Soalan no. 5 adalah **WAJIB**.

Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam bahasa Melayu.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Terangkan dengan terperinci syarat-syarat yang diperlukan bagi penggunaan *Common Law Inggeris* di Malaysia.
(100 markah)

2. Prinsipal akan bertanggungjawab ke atas setiap tindakan agennya yang telah dilakukan dalam kuasa agen tersebut. Bincangkan.
(100 markah)

3. Dalam undang-undang kontrak, setiap pihak yang berkontrak mestilah mempunyai kerelaan bebas untuk berkontrak. Bincangkan.
(100 markah)

4. Plaintiff dalam kes cuai harus membuktikan beberapa perkara penting sebelum ia berhak menuntut sebarang gantirugi daripada pihak defendant. Terangkan dengan jelas apakah perkara-perkara tersebut?
(100 markah)

BAHAGIAN B

5. Ahmad telah memulakan perniagaannya pada 1 Jun 1987 dengan memasukkan aset-aset berikut sebagai modalnya:

Stok barang niaga 12,000 unit @ RM1.00 seunit	RM12,000
Tunai	RM25,000

Urusniaga-urusniaga yang telah berlaku dalam Perniagaan Ahmad pada bulan Jun 1987 adalah seperti berikut:

Jun	2	Beli secara tunai 20,000 unit @ RM1.00 seunit
	7	Jual secara tunai 30,000 unit @ RM1.80 seunit
	10	Bayar belanja RM100
	15	Beli secara tunai 15,000 unit @ RM1.00 seunit
	22	Jual secara tunai 12,000 unit @ RM1.80 seunit
	25	Bayar kadar bayaran RM300
	30	Bayar sewa RM500 dan gaji RM2,500

Dikehendaki:

- [a] Catatkan semua urusniaga di atas ke dalam akaun-akaun tertentu mengikut prinsip catatan bergu.

(50 markah)

...3/-

- [b] Sediakan Akaun Perniagaan dan Akaun Untung-Rugi untuk bulan Jun 1987.
- (50 markah)
6. [a] Apakah yang anda faham mengenai konvensyen-konvensyen perakaunan yang berikut:
- [i] Entiti Perakaunan
 - [ii] Konservatisme
 - [iii] Konsistensi
 - [iv] Kematerialan
 - [v] Kos sejarah
- (50 markah)
- [b] Berikut adalah urusniaga-urusniaga yang tidak berhubungan oleh syarikat-syarikat yang berlainan dan cadangan proses bagi urusniaga-urusniaga itu dalam akaun-akaun syarikat yang berkenaan.
- [i] Inventori yang kosnya RM20,000 sekarang ini mempunyai nilai penggantian RM30,000. Untuk memberikan 'pandangan yang betul dan adil' dalam akaun-akaun, adalah dicadangkan inventori itu dinilaikan kepada RM30,000.
 - [ii] Inventori bahan yang kosnya RM5,000 sekarang ini boleh digantikan dengan inventori yang harganya RM3,500. Inventori ini dicadangkan supaya diturunkan kepada kos penggantian yang lebih rendah.
 - [iii] Bangunan yang kosnya RM80,000 dan yang telah disusutnilaikan sebanyak RM15,000, sekarang ini dinilaikan RM95,000. Bangunan itu dicadangkan supaya ditingkatkan kepada nilai semasa dan dikreditkan semua lebihan dalam Akaun Untung Rugi.
 - [iv] Akaun Untung Rugi menunjukkan keuntungan sebanyak RM7,000 sebelum dikenakan susutnilai yang telah dikira oleh akauntan sebagai RM9,000. Supaya tidak menunjukkan kerugian, para pengarah bercadang tidak akan mengenakan sebarang susutnilai tahun ini.
 - [v] Sebuah syarikat telah membeli mesin kira yang akan digunakan selama beberapa tahun. Adalah dicadangkan supaya jumlah kos mesin kira dikenakan dalam penghitungan keuntungan tahun ini atas alasan bahawa sekiranya syarikat dibubarkan, mesin kira itu tidak akan mempunyai sebarang nilai jualan semula.

...4/-

Dengan memberi sebab-sebab, nyatakan konvensyen, amalan dan prinsip perakaunan yang telah dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap cadangan di atas. Bagaimana anda akan memproses tiap-tiap urusniaga itu?

(50 markah)

7. Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira Syarikat Bemban Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir November 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 November 1987 dan 1988</i>		
Jualan	1987 (RM)	1988 (RM)
(-) Kos barang-barang jualan	650,000 455,000	700,000 518,000
Margin Kasar	195,000	182,000
(-) Belanja-Belanja	107,250	109,200
	87,750 2,500	72,800 2,100
Untung sebelum cukai	85,250	70,700
(-) Cukai	34,100	28,280
Untung selepas cukai	51,150	42,420
(-) Dividen	10,230	12,726
Perolehan Tertahan	40,920	29,694

<i>Kunci Kira-kira pada 30 November 1987 dan 1988</i>		
	1987 (RM)	1988 (RM)
Kenderaan bersih	55,400	78,600
Peralatan bersih	12,450	15,000
Akaun Belum Terima	78,000	55,000
Inventori	117,000	161,500
Bayaran Terdahulu	4,500	2,700
Bank	22,500	12,300
	289,850	325,100
Syer Biasa	100,000	100,000
Perolehan Tertahan	92,850	122,544
Debentur 10%	25,000	21,000
Akaun Belum Bayar	42,000	48,276
Cukai	30,000	33,280
	289,850	325,100

Inventori pada 1 Disember 1986 bernilai RM73,500.

...5/-

Dikehendaki:

Kira nisbah-nisbah berikut bagi tahun 1987 dan 1988:

- [i] Kadar perolehan inventori
- [ii] Belanja atas jualan
- [iii] Untung sebelum cukai atas jualan
- [iv] Nisbah modal kerja
- [v] Pulangan atas jumlah aset
- [vi] Nisbah cepat

(100 markah)

oooOOooo